

01 OCT 2003
INIX-LANCAR
INIX TECHNOLOGIES LANCAR "SECURE SMITH"

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- iNix Technologies Sdn Bhd, sebuah syarikat ICT yang sedang berkembang maju, telah melancarkan secara rasmi produk barunya, Secure Smith, semasa pameran Mavcap (Malaysia Venture Capital Management Bhd) di sini, pada Isnin lalu.

Pameran itu diadakan bersempena dengan pelancaran program CIP (Cradle Investment Program) oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kementerian Kewangan, kata syarikat tersebut dalam satu kenyataan, di sini, hari ini.

Secure Smith merupakan sebuah sistem pintar bersepadu yang menggabungkan tiga modul, keselamatan, automasi dan pengawasan CCTV ke dalam satu sistem.

Semasa majlis itu, Dr Mahathir turut menyaksikan permeterian dengan pemaju hartanah tempatan yang melantik iNix Technologies sebagai pembekal tunggal sistem rumah pintar bersepadu bagi projek mereka.

iNix Technologies Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat penerima pelaburan Mavcap (dimiliki sepenuhnya oleh MOF). -- BERNAMA

SHO TJK ZK